

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP  
[ SEKIJANG ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia di luar bandar yang telah siap dibina dan akan dibina pada masa hadapan**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus perumahan PR1MA adalah untuk dibina di kawasan bandar dan pinggiran bandar. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang cadangan pembangunan PR1MA di mana-mana lokasi di seluruh Malaysia, ianya bolehlah dimajukan kepada PR1MA untuk diteliti secara terperinci kesesuaiannya.

Secara keseluruhannya, sebanyak 17,845 unit rumah PR1MA telah memulakan pembinaannya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 560 unit rumah PR1MA telah siap dibina iaitu di Presint 11 Putrajaya. Pemohon yang berjaya telah diserahkan kunci secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Mac 2015.

PR1MA juga telah selesai menjalankan Majlis Undian Terbuka bagi projeknya di Nusajaya, Johor. Hasil daripada Majlis tersebut, seramai 201 orang pemohon rumah PR1MA telah berjaya. Walau bagaimanapun, projek tersebut masih berada dalam fasa pembinaan.

Tempoh pembinaan bagi rumah PR1MA adalah bergantung kepada jenis kediaman. Secara amnya, kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga (3) tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua (2) tahun.

Sekian. Terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD.  
MANAP [ SEKIJANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca serta hasil siasatan berhubung kes Sekolah Kebangsaan Taman Sungai Besi Indah yang diarahkan ditutup akibat tidak selamat diduduki.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah memutuskan untuk mengosongkan keseluruhan premis SK Taman Sungai Besi Indah setelah mengambil kira syor pengosongan bangunan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia dan turut mendapat persetujuan bersama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Syor tersebut dibuat susulan masalah keretakan bangunan dan mendapan tanah yang berlaku di premis sekolah disebabkan kerja-kerja pembinaan bersebelahan premis sekolah oleh pemaju. Susulan keputusan tersebut, operasi sekolah telah dipindahkan sementara ke sebuah lot industri yang disewa beralamat di Lot 1829, Batu 12, Jalan Sungai Besi, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan dengan jarak 3 KM daripada sekolah asal.